

# 'Saya dan Azmin satu pasukan'

*Anwar akan terus  
bekerjasama dengan  
timbalannya untuk  
gerakkan parti*

RIDAUDDIN DAUD

PORT DICKSON

**P**residen Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau akan tetap bekerjasama dengan Timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menurutnya, Azmin dilantik

sebagai Timbalan Presiden PKR menerusi pemilihan parti lalu dan beliau tiada sebarang masalah untuk bekerjasama sebagai satu pasukan.

"Azmin ialah Timbalan Presiden. Kami akan bekerja sebagai satu pasukan. Kami akan sentiasa berbincang dan bersama dalam mesyuarat. Tiada masalah," katanya pada sidang akhbar selepas program Temu Rapat PKR di sini semalam.

Ketika ditanya berhubung masalah membabitkan kepimpinan PKR, Anwar berkata, setiap parti ada masalah tersendiri namun mereka perlu berhadapan dan menyelesaikannya sebaik mungkin.

"Memang saya akui ada masalah dalam parti. Mana-mana parti politik pun sama, ada masalah mereka dan kita perlu hadapi masalah itu."

"Tapi apa yang penting, semangat ahli. Saya nampak mereka mahu terus bergerak ke depan," katanya.

Program Temu Rapat PKR selama tiga hari yang bermula Jumat lalu, berakhir semalam dengan menyaksikan 120 daripada 140 wakil yang dipilih, hadir.

Perbalahan melibatkan Anwar dan Azmin hangat diperkatakan sebelum ini selepas kedua-dua pemimpin itu berbalas kenyataan berhubung isu video intm ketika ditemu bual media.

FOTO: PARTI KADEILAN RAKYAT



Anwar (lima dari kiri) menjawab pertanyaan wartawan pada sidang akhbar selepas program Temu Rapat PKR di Port Dickson semalam.